

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

YUP 405 - Perhubungan Awam

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Jawab EMPAT (4) dari soalan-soalan berikut:

1. "Seseorang itu tidak dapat menjadi pengamal perhubungan awam jika ia tidak dapat mengurus isu."

Bincangkan kenyataan tersebut dengan mengambil kira pendekatan-pendekatan terhadap pengurusan 3 jenis isu yang berlainan. (25%)

2. Bincangkan sesuatu kempen pemasaran sosial berdasarkan pembacaan atau pemerhatian. Apakah elemen-elemen penting dalam pemasaran sosial? (25%)

3. Ada yang mengatakan bahawa penyelidikan dan penilaian dalam kempen perhubungan awam menguntungkan, tetapi ada pula yang berpendapat sebaliknya.

Bincangkan perbalahan dalam kedua-dua pendapat tersebut.

Gariskan kaedah-kaedah penyelidikan dan penilaian dan nyatakan perbezaan dan persamaan di antaranya. (25%)

4. Praperancangan adalah satu peringkat yang penting dalam Perhubungan Awam. Bincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam proses keputusan tersebut. (25%)

5. Setakat manakah perhubungan awam boleh dianggap sebagai satu profesion?

Bincangkan kekeliruan dan konflik yang dialami oleh pengamal-pengamal perhubungan awam dalam konteks organisasi dan profesion. (25%)

-ooo000ooo-